Alah kerja sekolah

Ibu hairan anak bijak berdikari tapi gagal siapkan tugasan diberi

ANDA ada masalah dengan anak? Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel *bhnita@bharian.com.my* atau melalui pos di alamat; **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

SAYA ibu berusia [illegible] mempunyai dua orang anak iaitu perempuan (8 tahun) dan lelaki (4 tahun). Saya dan suami setiap hari akan memantau buku dan kerja sekolah anak perempuan kami yang bukan saja bijak tetapi berdikari iaitu mengurus kan diri sendiri di sekolah agama kemudian ke tadika, makan tengah hari dan bersiap untuk ke sekolah kebangsaan. Malangnya, dia selalu gagal menyiapkan kerja sekolahnya. Saya pernah mengequmnya namun tiada perubahan. Apakah yang patut saya lakukan agar dia dapat menyiapkan tugasan sekolahnya itu?

Puan Su



GAMBAR HIASAN

Bersama **Dr Mastura Badzis**

KANAK-kanak mengelak atau menolak daripada menyiapkan kerja sekolah kerana beberapa sebab. Ada kanak-kanak yang bimbang dan takut menghadap kerja sekolahnya itu kerana merasakan ia terlalu sukar untuk disiapkan dan dia tidak mahu terperangkap dengan rasa kecewa yang dia tak boleh lakukannya. Lantas, dia akan cuba untuk mengelak daripada melakukan kerja sekolah dengan cara melengah-lengahkannya atau terlupa yang dia ada kerja sekolah ataupun terlupa membeli bahan yang diperlukan bagi menyiapkan kerja sekolah. Malahan, ada juga yang mengambil pendekatan membantu ibu atau bapa melakukan kerja-kerja rumah atau membantu menghidang makanan sebagai usaha mengelak daripada melakukan kerja sekolah tersebut.

Ada juga kanak-kanak yang sengaja tidak mahu buat kerja sekolah kerana mahu menunjukkan yang dia berkuasa atas dirinya, boleh mengawal dan menentukan apa yang dia mahukan tanpa dikawal atau ditentukan orang lain. Apatah lagi kalau selama ini dia kurang diberi peluang untuk menyelesaikan masalah dan memilih sendiri 'strategi' yang terbaik untuk dirinya. Pada waktu yang sama, ibu bapa pula merasakan yang anak tidak mengikut kehendaknya dan tidak memenuhi tuntutan ibu bapanya, lalu terjadilah 'pertentangan' kerana ibu bapa merasakan yang anak perlu dikawal dan diawasi dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pelajar.

Hakikatnya sebagai ibu bapa, puan dan suami tidak boleh 'membuat' atau 'menjadikan mereka' mengambil berat (seperti dalam keadaan memaksa). Sebaliknya apa yang patut diberikan tumpuan ialah apakah yang dapat membantunya memperbaiki sikap dan tingkah lakunya. Usah beri tumpuan kepada sikapnya sama seperti memberi tumpuan kepada apa yang dia sebenarnya lakukan.

Perlahan-lahan cuba pindahkan tanggungjawab memastikan semua kerja sekolah sudah beres kepada si anak. Ini mungkin agak sukar untuk puan lakukan terutamanya jika puan selalu berpandangan itu adalah tanggungjawab ibu bapa memastikan kerja sekolah siap. Namun, suatu yang amat penting bagi anak mempelajari dari peringkat awal lagi tentang kesan dan akibat dari sikapnya yang tidak menyiapkan kerja sekolah itu akan menimpa dirinya, bukan ibu bapanya. Jangan jadikan sikap anak yang tidak mahu menyiapkan kerja sekolahnya sebagai satu beban yang perlu anda pikul, tetapi sudah tentunya apa yang puan perlu pastikan ialah memberi perhatian, dorongan dan bimbingan di samping menyediakan persekitaran yang dapat membantunya menyiapkan kerja sekolah dengan tenang, yakin dan rasa penuh tanggungjawab.

Selepas beberapa kali merasakan akibat tidak menyiapkan kerja sekolah, anak puan akan mempelajari sikap untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab dalam hal itu. Apa yang puan lakukan tidak sama dengan 'tidak ambil tahu' atau 'buat tak tahu', sebaliknya ini adalah satu pendekatan menyedarkan anak mengenai tanggungjawabnya. Pendekatan yang saya sarankan ini adalah satu teknik yang digunakan oleh pakar perkembangan kanak-kanak untuk merangsang perkembangan kognitif anak dalam aspek membina kesedaran tentang tanggungjawab diri (self-regulation).

Kebolehan kanak-kanak di peringkat usia pertengahan (8-11 tahun) dalam memahami apa yang tersirat dalam pemikirannya adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kanak-kanak di peringkat awal usia (lahir-7 tahun) yang biasanya tidak boleh berfikir semula tentang apa yang difikirkan atau dilakukannya. Kesedaran mengenai apa yang berlaku dalam pemikiran dikenali sebagai 'metakognisi'. Namun begitu, kanak-kanak di peringkat usia pertengahan ini, masih menghadapi kesukaran meletakkan sesuatu yang terlintas pada pemikirannya dalam bentuk tindakan. Dalam erti kata lain, mereka masih belum betul-betul menguasai *cognitive self-regulation* iaitu kebolehan memantau tingkahlaku dan kemajuan diri dalam mencapai sesuatu matlamat atau tujuan dengan menyusun strategi tertentu.

Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak berusia 4 tahun diberi kerja sekolah, dia masih lagi belum boleh memahami kenapa dia perlu buat kerja sekolah dan dia pastinya mengutamakan main kerana melaluinya dia dapat belajar banyak perkara , tetapi bila seorang kanak-kanak berusia 9 tahun diberi kerja sekolah, dia sudah boleh memahami kepentingan belajar dan kepentingan menyiapkan kerja itu, cuma dia memerlukan bimbingan aspek moral, emosi dan kognitif untuk menterjemahkan apa yang ada dalam pemikirannya dalam bentuk praktikal.

INFO

Tip bimbingan anak peringkat pertengahan menyedari tanggungjawab kendiri

- Jadikan diri sebagai fasilitator dalam membimbing anak dan bukan sebagai penguasa yang cuba menguasai atau menjawabnya.
- Menunjukkan reaksi marah atau geram yang keterlaluan.
- Berikan ruang kepada anak untuk menguasai dirinya agar dia belajar untuk bertanggungjawab dan mempelajari kesan dan akibat dari apa yang dilakukannya.
- Bincang isu kerja sekolah dengan anak secara lebih tanyakan aspek yang menyebabkan dia menyiapkan kerja sekolah itu dan apakah yang menentukan sendiri masa dan tempat untuk dia menyiapkan kerja sekolahnya.
- Jadikan diri sebagai contoh dengan menyiapkan tugasan kerja anda sendiri agar anak menyiapkan kerja sekolahnya atau duduk membaca buku di tepinya.
- Sediakan aktiviti lain untuk dia lakukan di tempat yang sama dan membuat kerja masing-masing, cuba dengan syarat anak anda tidak merasa tergangguan.
- Puji usaha yang dilakukannya untuk menyiapkan tugasan dan bukan memarahinya kerana dia tak faham atau tak faham bagaimana anak menyiapkan sesuatu tugasan.
- Pastikan anak tidak dalam keadaan lapar atau letih lesu.
- Pastikan ganjaran kerana berjaya menyiapkan kerja sekolahnya di mudahkan seperti bermain di taman, melunjakan rasa bermain bersamanya dan sebagainya.